



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	10/11/2019	MUKA SURAT	: 53
JABATAN	:	IWK		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



IWK membangun dan menyelenggarakan sistem pembetungan moden serta efisien untuk rakyat. (Foto hiasan)

IWK ambil tindakan tegas penghutang tegar

Dapat perintah mahkamah potong khidmat sistem pembetungan premis ingkar

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd buat kali pertama mendapat perintah mahkamah untuk memotong perkhidmatan sistem pembetungan jenis bersambung ke sebuah premis yang terletak di sebuah rumah kedai di ibu negara.

Tindakan tegas memohon Perintah Mahkamah itu dibuat IWK selepas segala tindakan mendapatkan bayaran tertunggak 14 tahun gagal diperolehi daripada premis berkenaan.

Bukan sahaja surat peringatan dibuat beberapa kali, malah lawatan ke premis turut dilakukan di samping surat tuntutan dan pengeluaran saman juga dilaksanakan.

Premis berkenaan langsung tidak membuat sebarang bayaran, walaupun penghakiman sudah dikeluarkan bagi menuntut dan mendapatkan bayaran tertunggak untuk caj perkhidmatan pembetungan yang disediakan oleh IWK selama ini.

IWK dalam kenyataan menjelaskan, walaupun tiada pembayaran dibuat sepanjang tempoh berkenaan, IWK tetap meneruskan perkhidmatan pembetungan kepada premis terba-

bit tanpa henti.

"Sehingga 31 Disember 2018, hutang tertunggak yang terkumpul sejak IWK ditubuhkan 25 tahun lepas adalah RM688 juta dan ini memberi kesan teruk kepada kedudukan kewangan syarikat selama ini.

"Sebagai syarikat pembetungan nasional, IWK menjalankan pelbagai usaha menggalak dan memberi penjelasan kepada pengguna akan kepentingan menjelaskan bil perkhidmatan pembetungan mereka.

"Namun, masih ada pengguna yang enggan menjelaskan bil terhadap perkhidmatan disediakan selama ini.

"Pihak IWK sudahpun berusaha memberi notis,

berbincang dengan penghutang, mengeluarkan surat saman dan menjalankan pelbagai promosi untuk memujuk penghutang membayar bil mereka.

"Bagaimanapun, penghutang tegar ini masih enggan menjelaskan hutang dan ini memaksa syarikat mendapatkan perintah mahkamah untuk membuat pemotongan perkhidmatan itu," jelas kenyataan itu.

Tindakan pemotongan perkhidmatan pembetungan ke atas premis berkenaan tidak akan menjejaskan perkhidmatan pembetungan kepada premis berdekatan yang lain ataupun alam sekitar.

Berbanding tahun 2000, jumlah kutipan pembayaran bil pembetungan adalah 64 peratus kumulatif, tetapi sehingga Disember 2018, IWK berjaya merekodkan kira-kira 89 peratus kumulatif pembayaran bil pembetungan.

Peningkatan ini hasil beberapa inisiatif dilaksanakan IWK, khususnya dalam menitikberatkan operasi dan khidmat pelanggan yang cekap, termasuk memperkenalkan pelbagai cara perkhidmatan bayaran yang lebih mudah seperti pembayaran dalam talian, aplikasi mudah alih serta e-bil.

Masih terdapat pengguna yang enggan menjelaskan bil terhadap perkhidmatan disediakan selama ini.

Kenyataan IWK